




Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia





Sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) menunjukkan keupayaan dinamis dan serba boleh dalam mentadbir dua sistem perlindungan, iaitu sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans, bagi manfaat konsumer kewangan di Malaysia. Sinonim dengan keupayaan gelang getah yang mempunyai kebolehsuaian untuk diregangkan dalam pelbagai bentuk dan fungsi, PIDM mengadaptasikan keupayaan fleksibilitinya untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan landskap kewangan yang kian berkembang serta mengekalkan daya tahan dalam usaha ke arah mencapai mandatnya.

Seurat gelang getah adalah ringan dan fleksibel tetapi sekiranya dipintal bersama, akan menjadi teguh serta membentuk kekuatan dan daya tahan yang lebih baik. Sepertimana pintalan gelang-gelang getah ini, PIDM terus berkembang dari segi keupayaannya menerusi kerjasama erat antara kakitangannya dengan kepakaran berbeza serta pemegang kepentingan utama, ke arah memenuhi misi korporatnya bagi menggalakkan dan mengekalkan keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan di Malaysia.





PIDM mengutamakan pengurusan bertanggungjawab dalam setiap aspek operasi kami. Ini jelas terbukti daripada penggunaan kertas mesra alam yang dipilih khas untuk penerbitan Rancangan Korporat ini. Kertas ini disahkan oleh *Forest Stewardship Council* (FSC), iaitu organisasi antarabangsa yang menyokong piawaian tertinggi dalam pengurusan hutan.

VISI KAMI

Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dengan amalan terbaik

MISI KAMI

Kami berusaha menggalak dan menyumbang kepada keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan negara dengan:

- melindungi deposit Islam dan konvensional;
- melindungi manfaat takaful dan insurans; dan
- memenuhi mandat perlindungan konsumen kewangan kami dengan cara yang efektif dan efisien, dengan mengambil kira kepentingan pemegang kepentingan utama dan kakitangan kami.

NILAI KORPORAT KAMI

- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat
- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan

TERAS STRATEGIK KAMI

- Tadbir urus yang mantap
- Kesediaan dan kecemerlangan operasi
- Keyakinan awam terhadap sistem kewangan

OBJEKTIF KORPORAT KAMI

- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik
- Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan
- Persekitaran korporat yang kondusif



ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Sejak penubuhannya pada tahun 2005, PIDM telah mencatatkan pencapaian penting dalam memenuhi mandat berkanunnya. Dengan semangat kerja berpasukan yang tinggi, budaya kecemerlangan dan berpandukan kepada visi dan misinya, Perbadanan maju ke tahap yang lebih tinggi ke arah pengiktirafan sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dengan amalan terbaik.

NACRA 2012 Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam

PIDM menerima Anugerah "Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam" daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) bagi tahun keempat berturut-turut. Anugerah ini merupakan pengiktirafan atas kecemerlangan dalam pelaporan korporat, sejajar dengan objektif Perbadanan untuk menggalakkan kebertanggungjawaban dan ketelusan yang tinggi dalam pelaporan kewangan.

Kejayaan memenangi pengiktirafan berprestij ini bagi empat tahun berturut-turut merupakan bukti komitmen berterusan kami untuk mendukung piawai tadbir urus, ketelusan dan pendedahan maklumat tinggi kepada pemegang kepentingan kami, yang merupakan keperluan utama bagi peserta jaringan keselamatan kewangan.

Pemenang Anugerah Gangsa bagi Anugerah Kempen Penjenamaan Terbaik oleh Promotion Marketing Awards of Asia

PIDM bersama-sama dengan agensi pengiklanannya, Long's Creative Sdn. Bhd., muncul sebagai pemenang Anugerah Gangsa bagi Anugerah Kempen Penjenamaan Terbaik di Malaysia oleh *Promotion Marketing Awards of Asia*. Anugerah ini merupakan pengiktirafan terhadap inisiatif-inisiatif komunikasi yang dilaksanakan bagi kempen pengiklanan 2011 Perbadanan.

Promotion Marketing Awards of Asia merupakan penganjur anugerah serantau yang berpusat di Australia, yang memberi pengiktirafan jenama yang terbaik kepada program promosi dan pemasaran yang dijalankan di Amerika Utara dan Selatan, Eropah, Timur Tengah, Asia dan Australia.

Ringkasan Rancangan Korporat 2013 - 2015	5
Pendekatan Perancangan Strategik Kami	7
Rangka Kerja Pengurusan Strategik	7
Nilai Korporat	8
Teras Strategik	9
Objektif Korporat	10
Peta Strategi	11
Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya	13
Sorotan Pencapaian Kami Bagi Rancangan Korporat 2012 - 2014	13
Imbasan Kad Skor Korporat 2012	15
Prestasi Kewangan Lepas – Tahun 2012	19

ISI KANDUNGAN

22	Rancangan Tiga Tahun Kami 2013 - 2015
22	Persekitaran Operasi
23	Ulasan Pengurusan Risiko Organisasi
24	Andaian Perancangan Utama
24	Hala Tuju Strategik
27	Kad Skor Korporat 2013 - 2015
29	Rancangan Kewangan 2013
32	Kesimpulan
32	Halangan Pencapaian Rancangan Korporat
32	Pengukuhan Mandat Pada Masa Hadapan
32	Ringkasan
34	Lampiran: Mengenai PIDM
34	Mengenai Perbadanan
34	Mandat Kami
35	Institusi Ahli Kami
36	Lembaga Pengarah
37	Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
38	Hubungi Kami

Ringkasan Rancangan Korporat 2013 - 2015

Rancangan Korporat Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) merupakan Rancangan Korporat tiga tahun dinamik yang menggariskan hala tuju strategik, fokus dan keutamaan kami yang memacu aktiviti sepanjang tempoh perancangan serta menyokong rancangan kewangan bagi tahun 2013. Rancangan ini disokong oleh pelan operasi utama, yang akan menyediakan butiran lebih terperinci mengenai cara kami untuk mencapai hasilnya. Inisiatif kami yang dirancang diselaraskan kepada hala tuju strategik dan objektif korporat bagi memastikan mandat kami dapat dipenuhi dengan efektif dan efisien serta memajukan kami ke arah visi kami untuk menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dengan amalan terbaik.

Dalam membangunkan Rancangan Korporat ini, kami terus mengguna pakai pendekatan bersepadu dengan pengurusan risiko, yang mana kami mengenal pasti dan menilai cabaran dan risiko utama yang dihadapi oleh PIDM dengan menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Kami juga mengambil kira perancangan senario dengan matlamat untuk bertindak secara efektif sekiranya berlaku intervensi dalam sesebuah institusi ahli yang bermasalah yang boleh menjadi halangan kepada pencapaian Rancangan kami yang telah diluluskan.

Pencapaian Kami pada 2012

Pada tahun 2012, semua inisiatif berjaya disempurnakan mengikut rancangan kewangan yang diluluskan, dengan pengecualian dua inisiatif berkaitan teknologi maklumat yang telah ditangguhkan. Inisiatif yang disempurnakan ini termasuklah pelbagai inisiatif yang berkaitan dengan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans yang telah mengukuhkan asas dan kapasiti operasi kami. Dalam usaha Perbadanan untuk menambah baik dan mengguna pakai amalan terbaik yang relevan, kami terus mengkaji semula dan memantapkan polisi, prosedur dan infrastruktur sedia ada berkaitan dengan sistem insurans deposit, bagi memastikannya kekal terkini dan relevan.

Rancangan Kami pada Masa Hadapan

Hala tuju strategik yang dilaksanakan oleh PIDM adalah penting untuk mencapai mandat, visi dan misi Perbadanan secara efektif dan efisien ke arah menyumbang kepada menggalakkan dan mengekalkan keyakinan awam terhadap sistem kewangan kita. Bagi tempoh perancangan, hala tuju strategik ditumpukan kepada inisiatif-inisiatif untuk:

- menyokong kapasiti dan keupayaan PIDM dengan menumpukan kepada pemantapan kecekapan kakitangan dan membangunkan infrastruktur yang diperlukan;
- mengukuhkan kesediaan operasi berkaitan dengan Intervensi dan Resolusi Kegagalan; dan
- meningkatkan tahap kesedaran awam dan pendidikan konsumer kewangan terhadap sistem perlindungan PIDM.

Kesimpulan

Sejajar dengan fungsi Perbadanan sebagai komponen penting dalam rangka kerja jaringan keselamatan kewangan, PIDM diberi mandat untuk mentadbir sistem perlindungan konsumer kewangan dengan matlamat utama menggalakkan keyakinan awam dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Sehubungan itu, Perbadanan akan terus mengembangkan kapasiti dan keupayaannya serta meningkatkan dan mengukuhkan infrastruktur dan operasinya dengan menyediakan polisi, proses dan sistem yang diperlukan bagi operasi Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Dalam usaha mencapai strategi dan sasaran mencabar yang ditetapkan sepanjang tempoh perancangan, Perbadanan akan menumpukan usaha dan sumbernya bagi mengukuhkan tahap kesediaan operasi dalam memenuhi mandatnya.

A top-down view of four hands, one from each corner, holding a red rubber band to form a square. The background is a solid light blue color. The text is centered within the square formed by the rubber band.

Pendekatan
Perancangan
Strategik Kami

Pendekatan Perancangan Strategik Kami

Rangka Kerja Pengurusan Strategik

PIDM membangunkan rancangan tiga tahun yang dikemas kini setiap tahun, yang mana objektif, hala tuju strategik, inisiatif sokongan dan sasaran masing-masing ditetapkan. Dalam membangunkan Rancangan Korporat, PIDM mengkaji semula dan memperhalusi elemen-elemen rangka kerja pengurusan strategik dan takrifannya. Kami terus mengguna pakai rangka kerja pengurusan strategik menyeluruh, yang merangkumi tinjauan persekitaran luaran operasi kami serta pengenalpastian dan penilaian risiko utama yang perlu diurus oleh Perbadanan dengan menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi kami. Dengan itu, kami berupaya menyelaras andaian perancangan yang menjadi asas kepada Rancangan kami.

Proses perancangan strategik memerlukan pertimbangan kami dari segi:

- persekitaran luaran dan dalaman operasi Perbadanan;
- andaian perancangan utama yang digunakan bagi tempoh perancangan tersebut;
- hala tuju strategik dan inisiatif korporat yang akan dilaksanakan semasa tempoh perancangan tersebut;
- bajet yang diperlukan untuk menyokong inisiatif korporat; dan
- hasil yang ingin dicapai oleh Perbadanan.

Gambaran keseluruhan rangka kerja pengurusan strategik kami adalah seperti berikut.

Mandat

Matlamat Perbadanan adalah untuk:

- mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit dan menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans;
- menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai matlamat di bawah perenggan (b) dan (d), Perbadanan akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Visi

Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dengan amalan terbaik.

Misi

Kami berusaha menggalak dan menyumbang kepada keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan negara dengan:

- melindungi deposit Islam dan konvensional;
- melindungi manfaat takaful dan insurans; dan
- memenuhi mandat perlindungan konsumen kewangan kami secara efektif dan efisien, dengan mengambil kira kepentingan pemegang kepentingan utama dan kakitangan kami.

Nilai Korporat


- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat
- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan

Teras Strategik

- Tadbir urus yang mantap
- Kesyukuran dan kecemerlangan operasi
- Keyakinan awam terhadap sistem kewangan

Objektif Korporat


- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik
- Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh
- Amalan urus dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan
- Persekitaran korporat yang kondusif



Piramid pengurusan strategik di atas menunjukkan cara kami membangunkan Rancangan Korporat dengan menyelaraskan inisiatif terhadap objektif korporat dan teras strategik bagi mencapai visi dan misi kami ke arah memenuhi mandat kami. Rejim kebertanggungjawaban dan pelaporan di bahagian paling bawah piramid memerlukan pemantauan dan pelaporan kemajuan kami berbanding Rancangan Korporat secara berterusan. Ini sejajar dengan komitmen kami ke arah kebertanggungjawaban dan ketelusan yang lebih tinggi dalam memenuhi objektif organisasi kami.


Nilai Korporat

Kakitangan PIDM mendukung lima Nilai Korporat dan terus berusaha untuk memenuhi piawaian etika dan urusan tertinggi dalam semua aspek tugas mereka.



Teras Strategik

Kami akan terus mengguna pakai tiga teras strategik bagi memenuhi mandat kami. Tiga teras tersebut ialah:



TADBIR URUS YANG MANTAP

Kami berusaha menjadi sebuah organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik sejajar dengan perkembangan terkini amalan tadbir urus utama dan mengguna pakai amalan terbaik yang relevan.

Ini termasuk menyediakan amalan tadbir urus dan pengurusan yang mantap, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh.



KESEDIAAN DAN KECEMERLANGAN OPERASI

Kami mengamalkan kesediaan dan kecemerlangan operasi dengan memenuhi peranan kami sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan yang efektif dan proaktif.

Ini termasuk menyediakan rangka kerja penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh, keupayaan intervensi dan resolusi, infrastruktur operasi yang efektif dan efisien, serta memperoleh dan mengekalkan tenaga kerja yang sesuai dengan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, disokong oleh persekitaran kerja yang kondusif.



KEYAKINAN AWAM TERHADAP SISTEM KEWANGAN

Kami memupuk keyakinan dengan menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Dalam mencapai matlamat tersebut, kami memantapkan program kesedaran awam dan pendidikan bagi memaklumkan dan mendidik pemegang kepentingan kami dan orang awam mengenai sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans.

Kami juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan menerusi Sistem Premium Berbeza, Sistem Levi Berbeza, polisi dan peraturan serta rangka kerja penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh.

Objektif Korporat

Objektif korporat kami, yang merupakan tunjang strategi kami, adalah berdasarkan kepada tiga perspektif iaitu, Pemegang Kepentingan, Tadbir Urus dan Proses Dalaman, serta Pembelajaran dan Pembangunan.



PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat

Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting kepada keberkesanan sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans. Kami akan terus memantapkan komunikasi dengan semua pemegang kepentingan, bagi mendidik mereka menerusi kempen kesedaran awam menyeluruh dan program pendidikan serta mengambil kira maklum balas pemegang kepentingan dalam pembangunan Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan.

Perkongsian Efektif

Berdasarkan model urusan kami, perkongsian efektif adalah penting bagi memenuhi mandat kami. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan rakan kongsi strategik termasuk Bank Negara Malaysia, badan pengawal selia lain, penginsurans deposit dan skim jaminan insurans antarabangsa serta penyedia perkhidmatan utama. Kami juga akan terus mengekalkan hubungan kerjasama yang baik dengan institusi ahli kami.

TADBIR URUS DAN PROSES DALAMAN

Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik

Kami perlu menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi tata laku urusan dan amalan tadbir urus yang mantap, serta mengguna pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif.

Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh

Bagi memastikan kami memenuhi mandat dan kesediaan operasi kekal sebagai aspek utama Perbadanan, kami akan terus mengekalkan keupayaan penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh, serta membangunkan kapasiti dan keupayaan bagi mengendalikan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dengan efektif.

Amalan urusan dan kewangan yang mantap

Bagi mentadbir sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dengan efektif, kami akan memastikan polisi, proses, prosedur dan infrastruktur yang kukuh kekal relevan dan terkini. Amalan mantap yang mentadbir dan mengurus operasi kami akan didasarkan kepada amalan terbaik domestik dan antarabangsa yang relevan. Kami juga akan terus membangunkan keupayaan dan kapasiti bagi memastikan kami dapat memenuhi peranan dan tanggungjawab kami.

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan


Kakitangan kami merupakan aset terpenting. Kami menyediakan pakej penggajian dan program yang kompetitif bagi memperoleh dan mengekalkan kakitangan dengan kepakaran, pengalaman dan tingkah laku yang sesuai. Kami komited terhadap menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan secara berterusan kepada kakitangan kami serta memantapkan pengalaman mereka bagi mencapai potensi penuh mereka.

Persekitaran korporat yang kondusif

Kami memupuk budaya dan persekitaran korporat yang kondusif dengan menerapkan nilai korporat kami serta menggalakkan persekitaran kerja yang selamat, sihat, bebas daripada gangguan serta keseimbangan kerja dan kehidupan.

Peta Strategi

Peta strategi kami menggambarkan hubungan antara mandat, teras strategik dan objektif korporat kami dalam tiga perspektif tersebut.



Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya



Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya

Sorotan Pencapaian Kami Bagi Rancangan Korporat 2012 - 2014

Perbadanan mencapai kemajuan ketara dalam Rancangan Korporat 2012 - 2014, sejajar dengan hala tuju strategik kami yang menumpukan kepada inisiatif-inisiatif untuk:

- memantapkan kapasiti dan keupayaan organisasi dengan tumpuan kepada kecekapan kakitangan;
- mengukuhkan kesediaan operasi Perbadanan; dan
- menggalakkan kesedaran awam dan pendidikan.

Bagi mentadbir sistem perlindungan konsumer kewangan dengan matlamat utama untuk menggalakkan keyakinan awam dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan, Perbadanan telah memulakan dan menyempurnakan pelbagai inisiatif, terutamanya inisiatif berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, yang mengukuhkan asas dan kapasiti operasinya bagi memenuhi mandat dan diiktiraf sebagai peneraju dalam perlindungan konsumer kewangan bersepadu.

Selain itu, bagi tahun keempat berturut-turut, Perbadanan meraih Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan 2012 bagi "Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam" bagi Laporan Tahunan 2011 kami. Perbadanan, bersama dengan agensi pengiklanan kami juga merupakan Pemenang Anugerah Gangsa bagi "Anugerah Kempen Penjenamaan Terbaik" oleh *Promotion Marketing Awards of Asia* di Malaysia. Anugerah ini merupakan pengiktirafan terhadap inisiatif-inisiatif komunikasi yang dilaksanakan bagi kempen pengiklanan 2011.

Keputusan unjuran yang diringkaskan dalam Kad Skor Korporat 2012 di halaman 15 hingga 18, menunjukkan majoriti inisiatif utama kami yang dirancang berjaya disempurnakan dengan:

- a) 15 inisiatif berjalan lancar yang dijelaskan dengan lebih lanjut di halaman 18; dan
- b) pengecualian dua inisiatif korporat berikut yang telah ditangguhkan:
 - Pengukuhan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Insurans Deposit – Pengukuhan ini akan dijalankan pada tahun 2013 dan dilaksanakan bersama dengan pembangunan Sistem Statistik Bersepadu Bank Negara Malaysia (BNM).
 - Pembangunan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans – Sistem ini akan dibangunkan pada tahun 2013 dan dilaksanakan bersama dengan pembangunan Sistem Statistik Bersepadu BNM.

Semua inisiatif lain disempurnakan mengikut rancangan kewangan yang diluluskan.

Sorotan pencapaian utama kami pada tahun 2012:

Pemegang Kepentingan	<ul style="list-style-type: none"> • Kami terus melaksanakan inisiatif Rancangan Komunikasi Bersepadu, termasuk pengiklanan menerusi pelbagai saluran media seperti televisyen, radio, dalam talian dan media cetak. Kami juga mendidik pemegang kepentingan kami menerusi pelbagai aktiviti seperti taklimat, jerayawara serta pameran dan mengadakan Program Capaian Korporat di Kuantan. • Kami mengadakan sesi dialog berasingan bagi bank-bank ahli dan ahli penginsurans bersempena dengan pelancaran Laporan Tahunan 2011. • Kami menyempurnakan tinjauan pertengahan tahun mengenai indeks kesedaran awam bagi Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan PIDM. • Kami melaksanakan Program Pendidikan 2012, termasuk komponen baharu bagi Pertandingan Projek Tematik Antara Sekolah dan Pertandingan Melukis Poster Kebangsaan. • Kami terus mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan penginsurans deposit lain dan bank-bank pusat di seluruh dunia menerusi penglibatan kami dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa serta menganjur dan menjadi tuan rumah untuk lawatan sambil belajar atau bengkel kerja yang termasuk: <ul style="list-style-type: none"> - Bengkel Kerja Serantau bagi "Penilaian Pematuhan terhadap Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit Efektif". - Bengkel Kerja Antarabangsa bagi "Sistem Insurans Deposit Bersepadu". • Kami terus menyertai forum antarabangsa dengan menghadiri, menganjur dan menjadi tuan rumah bagi pelbagai acara. Kami juga menyertai dan mengadakan pelbagai sesi taklimat, seminar, forum dan persidangan di peringkat tempatan dan antarabangsa.
Tadbir Urus dan Proses Dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai sebahagian daripada program orientasi dan pendidikan Lembaga Pengarah, kami mengendalikan beberapa sesi pendidikan, yang termasuk topik mengenai kesan Pelan Induk Sektor Kewangan terhadap PIDM, Rangka Kerja Penilaian Risiko Takaful dan Insurans, dan tinjauan penyata kewangan syarikat-syarikat insurans. • Kami terus menunjukkan komitmen ke arah Tanggungjawab Sosial Korporat yang mana kami: <ul style="list-style-type: none"> - menganugerahkan biasiswa kepada 10 individu yang layak di bawah Program Biasiswa pelbagai tahun. - menganjurkan aktiviti-aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat termasuk lawatan ke penempatan Orang Asli di Pahang, menaja <i>Deaf Moolah Financial Fair</i> di YMCA Brickfields, menganjurkan taklimat kesedaran mengenai pendermaan dan pemindahan organ oleh Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan kepada semua kakitangan, mengadakan bersama Bengkel Kerja Pengurusan Wang dan Perancangan Kerjaya bagi pelajar cacat pendengaran dan mengunjungi rumah amal bagi golongan kurang upaya dan kurang bernasib baik. • Kami terus menyokong Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dan Alumni (Forum Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan). • Kami terus mengekalkan proses dan sistem penilaian dan pemantauan risiko yang mantap bagi memantau institusi ahli kami dengan efektif. Ini termasuk membangunkan rangka kerja dan peraturan Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans konvensional serta rangka kerja Pengesahan Pengawal Selia bagi Penyerahan Pengiraan Premium. Selain itu, kami menyempurnakan penyelidikan mengenai kontrak takaful yang boleh digunakan dan kemudiannya, mengeluarkan Nota bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful. • Berkaitan kesediaan operasi sekiranya berlaku intervensi dan resolusi kegagalan, lima subsidiari, iaitu empat bagi institusi perantara dan satu syarikat pengurusan aset telah diperbadankan. • Kami terus membangunkan kesediaan operasi kami dengan menjalankan sesi latihan dan latihan simulasi Intervensi dan Resolusi Kegagalan tahunan. Fokus sesi ini yang dijalankan bagi kakitangan terpilih, adalah berkaitan dengan kegagalan sesebuah ahli penginsurans. • Kami menguji Pelan Kesenambungan Urusan dan Pelan Pemulihan Bencana di Tapak Pemulihan Bencana sementara susulan kejadian gempa bumi di Aceh, Indonesia pada April 2012 yang menyebabkan gegaran dirasai di bangunan Quill 7.
Pembelajaran dan Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Kami menyempurnakan latihan pemetaan kecekapan bagi mengenal pasti jurang kecekapan untuk tujuan pembangunan. • Susulan Tinjauan Kepuasan Kakitangan 2011, taklimat telah diadakan untuk memaklumkan keputusan dan mengenal pasti jurang yang timbul daripada tinjauan tersebut. • Kami terus menerapkan nilai-nilai korporat kami menerusi aktiviti-aktiviti yang melibatkan kakitangan seperti pembinaan pasukan, Majlis Berbuka Puasa bersama kakitangan dan ahli keluarga mereka, sesi latihan berkaitan keselamatan dan kesihatan, taklimat mengenai Kod Konflik Kepentingan dan Kod Tata Laku Urusan dan Etika serta Majlis Makan Malam Tahunan.

Imbasan Kad Skor Korporat 2012

P Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet
A Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan

F Belum bermula / tarikh bermula pada masa hadapan
D Ditangguhkan disebabkan pengutamaan semula inisiatif tertentu

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2012	Keputusan Unjuran Dis 2012	
Pemegang Kepentingan	A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam:		
		a. Kesedaran umum mengenai PIDM	39%	P ¹
		b. Kesedaran umum mengenai sistem insurans deposit	35%	P ¹
		c. Kesedaran umum mengenai sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans	15%	P ¹
		2. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a. Pelan Komunikasi Bersepadu	Disempurnakan	A
		b. Program Pendidikan	Dilaksanakan dan dipantau	A
	B Perkongsian efektif	3. Hubungan PIDM dengan:		
		a. Bank Negara Malaysia	Kukuh	A
		b. Institusi ahli	Memuaskan	A
		c. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik	Kukuh	A
		d. Penginsurans deposit lain	Kukuh	A
		e. Pemegang kepentingan lain	Memuaskan	A
4. Menyertai forum antarabangsa		Penyertaan aktif	A	
5. Menyokong Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dan Alumni	Penyertaan aktif	A		
Tadbir Urus dan Proses Dalam	C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	6. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:		
		a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai	Tahap kepuasan tinggi	A
		b. Polisi dan amalan utama yang dipatuhi	Tahap kepuasan tinggi	A
		c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi	A
		7. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a. Polisi Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah	Kajian semula dan dipertingkatkan	A
b. Akta PIDM 2011	Kajian semula	A		

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2012	Keputusan Unjuran Dis 2012	
Tadbir Urus dan Proses Dalam	D Penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta keupayaan resolusi yang kukuh	8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a. Rangka kerja Sistem Premium Berbeza, Jumlah Deposit Diinsurankan, Sistem Levi Berbeza dan Jumlah Polisi Dilindungi:		
		i. Mengkaji semula dan memantapkan peraturan-peraturan berkaitan Jumlah Deposit Diinsurankan dan Sistem Premium Berbeza bagi Sistem Insurans Deposit	Kajian semula	A
		ii. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja Sistem Levi Berbeza dan Penyata Jumlah Polisi Dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
		a(ii)(1). Rangka kerja Sistem Levi Berbeza	Dibangunkan dan dirundingkan	A
		a(ii)(2). Garis Panduan dan peraturan-peraturan bagi Sistem Levi Berbeza	Dibangunkan dan dirundingkan	A
		a(ii)(3). Pengesahan pengawal selia terhadap Penyata Jumlah Polisi Dilindungi	Dilaksanakan dan kajian semula	A
		a(ii)(4). Pengesahan juruaudit luaran terhadap Garis Panduan Penyata Jumlah Polisi Dilindungi	-	F
		b. Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko:		
		i. Memantapkan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Insurans Deposit	Dibangunkan dan dilaksanakan	D
		ii. Membangunkan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	D
		c. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Amaran Awal:		
		i. Sistem Insurans Deposit	Dibangunkan	P ²
		ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	-	F
		d. Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan termasuk polisi, proses dan prosedur:		
		i. Sistem Insurans Deposit:		
		d(i)(1). Membangunkan dan melaksanakan komponen akhir aktiviti Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi bank-bank ahli	Dibangunkan	P ³
		d(i)(2). Membangunkan dan melaksanakan Model dan Sistem Penilaian	Dibangunkan	P ⁴
		ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
		d(ii)(1). Meminda polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan untuk penggunaan pakai terhadap ahli penginsurans	Dibangunkan dan disempurnakan	P ⁵
		e. Polisi dan peraturan-peraturan:		
		i. Sistem Insurans Deposit:		
		e(i)(1). Garis panduan / peraturan faedah dan dividen boleh dibayar	Dilaksanakan	A
		e(i)(2). Surcay premium	Disempurnakan	A

	Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2012	Keputusan Unjuran Dis 2012	
Tadbir Urus dan Proses Dalam	D	Penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta keupayaan resolusi yang kukuh	e(i)(3). Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian 2008	Kajian semula dan dilaksanakan	P ⁶
			e(i)(4). Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Mengenai Insurans Deposit 2011	Kajian semula dan dilaksanakan	P ⁷
			ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
			e(ii)(1). Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian	Dilaksanakan	P ⁶
			e(ii)(2). Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dikaji selidik	A
			f. Menjalankan simulasi bagi:		
			i. Pembayaran Balik Deposit	Disempurnakan	A
			ii. Intervensi dan Resolusi Kegagalan	Disempurnakan	A
			g. Menyempurnakan pembangunan program audit bagi memastikan integriti Data, Sistem dan Proses Pembayaran Balik Deposit bagi bank-bank ahli	Disempurnakan	P ⁸
			h. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:		
			i. Fasa 1a: Sistem Pendaftaran Produk	Dibangunkan	P ⁹
			ii. Fasa 1b: Sistem Pengurusan Tuntutan	Dikaji selidik	A
			iii. Fasa 1c: Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	Dikaji selidik	A
			iv. Fasa 2: Sistem Pengurusan Pembayaran	Dikaji selidik	A
			i. Program pematuhan institusi ahli	Dilaksanakan	P ¹⁰
			Tadbir Urus dan Proses Dalam	E	Amalan urusan dan kewangan yang mantap
a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	A			
b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	A			
10. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	A ¹¹			
11. Pematuhan Kawalan Dalam	Kukuh	A			
12. Tahap kepuasan terhadap perkhidmatan antara Bahagian	75%	A			
13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:					
a. Polisi dan Prosedur bagi Fasa 1: Pinjaman Kerajaan dan Fasa 2: Pembiayaan daripada pasaran modal	Kajian semula dan dipertingkatkan	A			

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2012	Keputusan Unjuran Dis 2012	
Tadbir Urus dan Proses Dalam	E	Amalan urusan dan kewangan yang mantap	b. Rangka kerja Dana Sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	-	F
			c. Membangunkan dan melaksanakan pelan strategik berikut:		
			i. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Tahunan	Disempurnakan	P ¹²
			ii. Pelan Pengurusan Kesenambungan Urusan Tahunan	Disempurnakan	A
			d. Tapak Pemulihan Bencana dan infrastruktur berkaitan	Tanah diperolehi	A
			e. Rangka Kerja Keselamatan Maklumat Korporat	Kajian semula dan dipertingkatkan	P ¹³
Pembelajaran dan Pembangunan	F	Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	14. Membangunkan dan melaksanakan pelan pembelajaran dan pembangunan tahunan	Disempurnakan	A
			15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
			a. Menyepadukan rangka kerja Kecekapan dalam proses Modal Insan	Kajian semula dan dipertingkatkan	A
			b. Polisi dan Prosedur Pengurusan Pengetahuan	Dibangunkan	A
			16. Indeks kepuasan kerja kakitangan (Tinjauan dijalankan dua tahun sekali)	-	F
G	Persekitaran korporat yang kondusif	17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
		a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif	Disempurnakan	A	

¹ Keputusan tinjauan pengguna akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2012.

² Pembangunan Model Ramalan Penarafan berjalan lancar mengikut jadual.

³ Pembangunan rangka kerja untuk mengendalikan polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi bank-bank ahli berjalan lancar mengikut jadual.

⁴ Pembangunan Model Penilaian berjalan lancar mengikut jadual.

⁵ Projek untuk meminda polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan dengan mengambil kira ahli penginsurans berjalan lancar mengikut jadual. Setakat ini, kami telah memulakan pembangunan rangka kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta Polisi dan Prosedur bagi Kajian Terperinci, Pindahan Urusan, Andaian Kawalan, Penutupan dan Pencairan, Institusi Perantara, Penerimaan dan Penstrukturan Semula.

⁶ Terdapat satu Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian yang akan diguna pakai bagi kedua-dua Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Peraturan baharu ini disasarkan untuk dikeluarkan pada tahun 2013.

⁷ Peraturan ini akan disemak semula pada tahun 2013.

⁸ Pembangunan program audit bagi Sistem Pengurusan Pembayaran Balik akan selesai pada tahun 2013.

⁹ Pembangunan produk insurans dan repositori manfaat berjalan lancar mengikut jadual.

¹⁰ Program pematuhan akan dilaksanakan pada tahun 2013.

¹¹ Kami mencapai perbezaan positif bagi kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal.

¹² Kami telah menyempurnakan kebanyakan inisiatif strategik dan operasi seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PIDM kecuali bagi inisiatif-inisiatif berikut yang telah ditangguhkan:

- Pemantapan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Insurans Deposit
- Pembangunan Sistem Penilaian Risiko Insurans bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
- Pengukuhan Sistem Pembayaran Balik Deposit
- Infrastruktur Keselamatan Maklumat Korporat

¹³ Pelaksanaan pelan bagi fasa pertama Sistem Pengurusan Rekod Korporat akan dimulakan pada tahun 2013.

Prestasi Kewangan Lepas – Tahun 2012

A. Keputusan Operasi

	2012	2012	Perbezaan	
	Unjuran*	Bajet	RM'000	(%)
Pendapatan	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
Premium	214,262	199,300	14,962	8
Pelaburan	48,987	49,400	(413)	(1)
Jumlah Pendapatan	263,249	248,700	14,549	6
Perbelanjaan Operasi				
Gaji dan Manfaat	39,150	48,000	8,850	18
Am dan Pentadbiran	28,890	37,000	8,110	22
Komunikasi	9,760	10,000	240	2
Jumlah Perbelanjaan Operasi	77,800	95,000	17,200	18
Lebihan Bersih Tahun Semasa	185,449	153,700	31,749	21

B. Perbelanjaan Modal

	2012	2012	Perbezaan	
	Unjuran*	Bajet	RM'000	(%)
Perbelanjaan Modal	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
Tanah dan Bangunan	6,250	7,000	750	11
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	450	550	100	18
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	4,820	14,650	9,830	67
Jumlah Perbelanjaan Modal	11,520	22,200	10,680	48

*Unjuran 2012 = Sebenar (Jan - Nov 2012) + Unjuran (Dis 2012)

C. Ulasan Prestasi Kewangan 2012

Keputusan Operasi

Kami mengunjurkan lebih bersih operasi kira-kira RM185.4 juta berbanding RM153.7 juta seperti yang dibajetkan dalam Rancangan Korporat kami. Anggaran lebihan ini lebih tinggi sebanyak RM31.7 juta, disebabkan terutamanya premium tinggi yang diterima pada tahun 2012 serta jangkaan perbezaan positif bagi perbelanjaan operasi berbanding bajet.

Pendapatan

- Jumlah premium yang diterima daripada bank ahli pada tahun ini ialah RM126.5 juta atau 10% lebih tinggi berbanding bajet RM115.2 juta. Premium tinggi yang diterima disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan lebih tinggi daripada dijangkakan dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan.
- Premium yang diterima daripada ahli penginsurans pada tahun ini ialah RM87.8 juta, iaitu 4% atau RM3.7 juta lebih tinggi berbanding bajet. Premium lebih tinggi yang diterima disebabkan terutamanya oleh segmen urus niaga Insurans Hayat berikutan peningkatan Liabiliti Penilaian Aktuari.

Perbelanjaan Operasi

- Jumlah perbelanjaan operasi sehingga 31 Disember 2012 diunjurkan sebanyak RM77.8 juta, iaitu RM17.2 juta atau 18% lebih rendah berbanding bajet.
- Perbezaan positif ini disebabkan terutamanya perbelanjaan gaji dan manfaat yang rendah hasil daripada penjadualan masa pengambilan pekerja baharu pada tahun ini.
- Perbezaan positif RM8.1 juta atau 22% bagi kos am dan pentadbiran adalah disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan lebih rendah bagi profesional dan pakar runding, pelesenan dan penyelenggaraan sistem teknologi maklumat, latihan dan pembangunan serta perbelanjaan perjalanan.

Perbelanjaan Modal

Perbelanjaan modal kami dianggarkan berjumlah RM11.5 juta atau 48% lebih rendah berbanding bajet. Perbezaan positif ini disebabkan terutamanya penjimatan kos bagi pembangunan beberapa sistem teknologi maklumat termasuk sistem pengurusan kewangan yang diperkukuhkan serta sistem maklumat sumber manusia. Terdapat juga beberapa projek sistem teknologi maklumat yang ditangguhkan disebabkan faktor-faktor luaran.

Metodologi Peruntukan Kos

Sepanjang tahun ini, kami memantau, membezakan, merekod dan memperuntukkan perbelanjaan operasi dan modal antara dua sistem perlindungan dan enam kumpulan dana masing-masing. Kami akan terus memperuntukkan semua kos langsung dan kos tidak langsung kepada kumpulan dana masing-masing berdasarkan undang-undang relevan.

Secara ringkasnya, kami mencapai perbezaan positif dalam kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal kerana kami mengamalkan pengurusan kewangan berhemat dan kawalan dalaman yang kukuh. Sepanjang tahun 2012, kami melaksanakan inisiatif-inisiatif utama yang dirancang mengikut Rancangan Korporat kami. Semua inisiatif ini disempurnakan mengikut rancangan kewangan yang diluluskan.

Rancangan Tiga Tahun Kami 2013 - 2015



Rancangan Tiga Tahun Kami 2013 - 2015

Persekitaran Operasi

Sebagai sebahagian daripada rangka kerja jaringan keselamatan yang memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan sistem kewangan, Perbadanan sentiasa mengikuti perkembangan terkini isu-isu dan risiko yang boleh memberi kesan kepada Perbadanan, pendeposit, pemilik polisi dan institusi ahli. Sehubungan itu, kami sentiasa memantau dan menilai aliran dan perkembangan terkini ekonomi global dan domestik serta persekitaran operasi institusi ahli kami. Dalam organisasi, kami terus mengguna pakai rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi untuk mengenal pasti dan menilai risiko yang boleh memberi kesan negatif kepada Perbadanan.

Persekitaran Ekonomi

Persekitaran ekonomi global masih mencabar dengan kelemahan berterusan ekonomi di zon Eropah dan potensi yang boleh menyebabkan lebih tekanan dalam pasaran kewangan. Pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat dijangka terus lemah disebabkan pergolakan kewangan di Eropah dan krisis kewangan pada tahun 2013, manakala di China, pengeluaran perindustrian masih lemah. Akibatnya, perkembangan ekonomi Asia Timur yang bergantung kepada perdagangan semakin membimbangkan.


Meskipun persekitaran global yang mencabar, ekonomi domestik masih kekal berdaya tahan, dipacu terutamanya oleh pengembangan kukuh dalam permintaan domestik. Pertumbuhan kukuh dapat dilihat dalam kedua-dua perbelanjaan sektor swasta dan awam, terutamanya bagi pelaburan modal, walaupun dalam keadaan eksport bersih yang lemah. Di kalangan negara Asia, Malaysia merupakan antara negara yang masih utuh, memandangkan terdapat sokongan permintaan domestik daripada pelaburan di bawah Program Transformasi Ekonomi dan perbelanjaan fiskal. Aliran permintaan domestik yang menyokong pertumbuhan ekonomi dijangka akan berterusan.

Persekitaran Operasi Institusi Ahli

Menerusi sokongan permodalan kukuh institusi kewangan dan keadaan pasaran kewangan yang teratur, kestabilan kewangan domestik terus kekal teguh. Pasaran kewangan terus menunjukkan kapasiti kukuh untuk bertahan daripada potensi kejutan luaran dan keadaan tidak menentu akibat daripada peningkatan risiko di kawasan Eropah. Secara keseluruhannya, institusi ahli masih kukuh dan kami tidak menjangka sebarang kegagalan di kalangan institusi ahli kami semasa tempoh perancangan.

Ulasan Pengurusan Risiko Organisasi

Perbadanan berjaya menyempurnakan satu lagi kitaran aktiviti penilaian risiko Pengurusan Risiko Organisasi pada tahun 2012. Kategori risiko Perbadanan bagi tahun 2012 ditunjukkan dalam gambar rajah Profil Risiko berikut:



Aliran: △ Meningkat ▽ Menurun ○ Stabil

Huraian risiko serta pelan tindakan risiko utama dan inisiatif yang dicadangkan untuk menangani risiko-risiko Perbadanan ini adalah seperti berikut:

Kesedaran Awam: Perbadanan terus berdepan cabaran dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman umum mengenai Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan PIDM. Ini merupakan satu proses berterusan yang memerlukan pendekatan jangka panjang, membina perancangan berpandukan kepada inisiatif pada tahun-tahun lepas serta memperhalusi strategi dan pelan yang berasaskan kepada hasil penyelidikan. Perbadanan akan terus menumpukan usaha melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu yang merangkumi inisiatif-inisiatif seperti pengiklanan, latihan bagi institusi ahli, taklimat kepada pelbagai pemegang kepentingan, program pendidikan kewangan selain meneroka peluang berinteraksi dengan orang awam menerusi media sosial.

Kesediaan Operasi – Intervensi dan Resolusi Kegagalan: Kesediaan operasi PIDM diselubungi persoalan utama "Adakah kita bersedia bagi melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan terhadap institusi ahli yang bermasalah?". Sehubungan itu, Perbadanan akan meneruskan pembangunan dalam mengendalikan rangka kerja bagi Sistem Insurans Deposit serta polisi, prosedur dan infrastruktur bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans untuk tempoh beberapa tahun akan datang. Selain itu, pelbagai sesi latihan dan simulasi Intervensi dan Resolusi Kegagalan akan dijalankan bagi menguji kesediaan operasi Perbadanan.

Pengurusan Tenaga Kerja: Model urusan Perbadanan yang unik memerlukan kakitangannya memiliki pengetahuan khusus bukan sahaja mengenai Sistem Insurans Deposit tetapi juga mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Pelan tindakan utama yang dicadangkan untuk

menangani risiko ini adalah dengan meneruskan Program Rujukan Kakitangan serta melaksanakan pengambilan kakitangan yang disasarkan bagi mencari calon yang sesuai. Pengurusan juga akan menjalankan latihan di tempat kerja bagi kakitangan baharu dan menyediakan latihan untuk memantapkan kepimpinan dan kemahiran pengurusan bagi kakitangan sedia ada.

Penilaian dan Pemantauan Risiko: Perbadanan akan menyempurnakan Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko serta Sistem Penilaian Risiko Insurans bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang disasar untuk dibangunkan dalam tempoh pelbagai tahun. Selain itu, Perbadanan akan melaksanakan rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans konvensional dan melaksanakan secara berterusan sesi komunikasi mengenai Sistem Levi Berbeza ini dengan ahli penginsurans. Bagi Sistem Levi Berbeza untuk pengendali takaful, Perbadanan akan membangunkan satu rangka kerja sementara.

Keselamatan Maklumat: Akses kepada maklumat sensitif terhadap hanya kepada kakitangan Perbadanan yang diberi kelulusan untuk berbuat demikian. Sehubungan itu, Perbadanan akan terus menjalankan latihan lazim bagi Polisi Klasifikasi Maklumat, Kod Tata Laku Urusan dan Etika, Kod Konflik Kepentingan dan menuntut pengisytiharan aset dan liabiliti tahunan oleh kakitangan. Selain itu, Perbadanan akan terus menyediakan saluran untuk melaporkan mengenai salah laku di tempat kerja dan memaklumkan tentang kesan-kesan jika melanggar peraturan kod ini dan tindakan disiplin yang akan dilaksanakan.

Pelan tindakan dan inisiatif-inisiatif risiko utama yang telah dibangunkan bagi menangani risiko-risiko penting terkandung dalam Rancangan Korporat ini.

Andaian Perancangan Utama

Hala tuju strategik, pelan dan bajet sokongan yang digariskan dalam Rancangan Korporat ini adalah berdasarkan andaian-andaian perancangan utama yang dinyatakan seperti berikut.

Pemegang Kepentingan

- Persekitaran ekonomi dan sistem kewangan negara kekal stabil.
- Mandat Perbadanan kekal terkini dan relevan.
- Kami tidak menjangkakan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan sepanjang tempoh perancangan. Bagaimanapun, Perbadanan perlu sentiasa bersedia dari segi operasi, yang akan memerlukan pembangunan instrumen, infrastruktur dan keupayaan kakitangan yang perlu untuk menyokong aktiviti Intervensi atau Resolusi Kegagalan.

Tadbir Urus dan Proses Dalam

- Pendapatan premium dijangka akan meningkat disebabkan pertumbuhan jumlah deposit diinsuranskan bagi bank-bank ahli dan jumlah sijil atau polisi yang layak bagi ahli penginsurans.
 - Bank-bank ahli:
Susulan pelaksanaan rangka kerja Dana Sasaran, kadar premium dijangka meningkat perlahan-lahan sebanyak 0.01%, bagi setiap tahun dari 2013 hingga 2015, bagi kategori kadar terbaik di bawah Sistem Premium Berbeza. Kadar bagi tiga kategori lain di bawah Sistem Premium Berbeza akan mempunyai perubahan turutan, mengguna pakai pendekatan "dua kali ganda" yang sedia ada.
Masa yang diunjurkan untuk mencapai set paras Dana Sasaran ialah antara 10 - 12 tahun.
 - Ahli penginsurans:
Pendapatan premium akan berdasarkan kepada profil risiko ahli penginsurans di bawah cadangan kadar Sistem Levi Berbeza.
- Kami akan terus bergantung kepada kumpulan teras kakitangan yang disokong oleh penyedia perkhidmatan utama, rakan kongsi dan hubungan kerja berterusan yang baik dengan pemegang kepentingan utama serta proses, sistem dan infrastruktur yang efektif.
- Kadar faedah kekal stabil dan pelaburan akan berasaskan kepada polisi pelaburan kami yang mana objektifnya adalah untuk mencapai pemeliharaan modal dan kecairan.

Pembelajaran dan Pembangunan

- Kami akan terus mengekalkan dan membangunkan tenaga kerja yang sedia ada kerana tenaga kerja kritikal berkaitan dengan bidang kerja PIDM agak sukar didapati dalam pasaran.

Hala Tuju Strategik

Dalam membangunkan Rancangan Korporat, Perbadanan mengkaji semula dengan teliti visi, misi dan hala tuju strategiknya, dengan mengambil kira persekitaran operasi semasanya dan risiko-risiko utama yang dihadapi oleh Perbadanan. Bagi memacu aktiviti Perbadanan sepanjang tempoh perancangan, hala tuju strategiknya telah dikenal pasti seperti berikut:

- menyokong kapasiti dan keupayaan PIDM dengan tumpuan bagi memantapkan kecekapan kakitangan dan membangunkan infrastruktur yang diperlukan;
- mengukuhkan kesediaan operasi berkaitan dengan Intervensi dan Resolusi Kegagalan; dan
- meningkatkan tahap kesedaran awam dan pendidikan konsumer kewangan terhadap sistem perlindungan PIDM.

Sorotan inisiatif dan pelan yang menyokong setiap hala tuju strategik digariskan seperti berikut.

Menyokong kapasiti dan keupayaan PIDM dengan tumpuan bagi memantapkan kecekapan kakitangan dan membangunkan infrastruktur yang diperlukan

Adalah penting untuk memastikan individu yang berpengalaman luas dan cekap sentiasa tersedia bagi mengukuhkan tenaga kerja Perbadanan dan memastikan kesediaan operasi. Justeru, keseluruhan strategi Modal Insan adalah untuk memperoleh, membangunkan dan mengekalkan kakitangan yang cekap.

Model urusan PIDM yang unik bermakna pengambilan kakitangan dengan pengetahuan berkaitan Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans merupakan satu cabaran, kerana kepakaran seumpama itu tidak tersedia dalam pasaran pekerjaan. Justeru, Perbadanan perlu menggunakan pelbagai strategi pengambilan kakitangan baharu untuk mendapatkan dan melantik tenaga kerja daripada industri kewangan berkaitan

termasuk penggunaan Rangka Kerja Kecekapan bagi tujuan pengambilan dan pemilihan kakitangan untuk memastikan kepakaran dan tingkah laku yang berpadanan dan sesuai. Mengenai pengambilan kakitangan baharu, Perbadanan menyediakan orientasi yang efektif dan menyepadukan kakitangan baharu ke dalam budaya korporat sedia ada menerusi proses induksi yang diperkukuhkan bagi membantu memudahkan penyerapan kakitangan baharu dengan budaya ini dan menambah baik interaksi dan pengekelan kakitangan.

Pembelajaran dan pembangunan kekal sebagai faktor penting bagi kejayaan Perbadanan. Perbadanan akan terus memberi tumpuan dalam menyediakan peluang kepada kakitangan untuk pembangunan sendiri secara profesional bagi jawatan sedia ada serta menyokong perancangan penggantian dan bersiap sedia bagi tanggungjawab tambahan pada masa hadapan sebagai pihak berkuasa resolusi nasional. Pertumbuhan tenaga kerja telah meningkatkan keperluan bagi peranan kepimpinan dan penyeliaan; Perbadanan akan terus menyediakan program pembangunan kepimpinan dan penyelia serta instrumen untuk melengkapkan penyelia dengan kemahiran kepimpinan dan tingkah laku yang perlu bagi menerajui Perbadanan, serta melatih dan membimbing kakitangan.

PIDM komited menyediakan budaya korporat yang menggalakkan pembabit kakitangan dan memacu prestasi. Sebilangan besar inisiatif menyokong pencapaian budaya tempat kerja optimum yang mesra, berinteraksi dengan kakitangan dan menyeluruh. Tinjauan pembabit kakitangan yang dijalankan dua tahun sekali, membantu Perbadanan menentukan keseluruhan kepuasan kakitangan dan membolehkan PIDM membangu atas kekuatan ini dan mengenal pasti bahagian untuk ditambah baik. Proses Pengurusan Prestasi Keseluruhan menyelaraskan matlamat individu dengan objektif korporat dan membolehkan PIDM mengurus dengan efektif dan memberi ganjaran kepada prestasi kakitangan. Semakan semula tahunan pakej imbuhan dan manfaat memastikan ganjaran yang adil, saksama dan kompetitif berbanding pasaran bagi membolehkan kami memperoleh dan mengekalkan kakitangan penting.

Mengukuhkan kesediaan operasi berkaitan dengan Intervensi dan Resolusi Kegagalan

Dalam tempoh perancangan, PIDM akan terus memberi tumpuan terhadap peningkatan aspek-aspek utama kesediaan, termasuk menilai dan memantau risiko-risiko yang memberi kesan kepada institusi ahli serta mengembangkan kapasiti intervensi dan resolusi kegagalan. Pemantapan infrastruktur dan operasi PIDM juga penting dalam memastikan Perbadanan bersedia dari segi operasi dan mempunyai keupayaan bagi menangani institusi ahli yang bermasalah dengan segera.

Penilaian dan Pemantauan Risiko: Aktiviti penilaian dan pemantauan risiko PIDM yang berterusan terhadap institusi ahli adalah penting kepada mandatnya. Perbadanan terus memantau persekitaran ekonomi dan kewangan, profil risiko dan prestasi kewangan institusi ahli secara individu dan keseluruhan serta membincangkan risiko-risiko berkaitan dengan BNM dan Lembaga Pengarah.

Sehubungan itu, fokus utama Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko adalah untuk terus meningkatkan infrastruktur dan keupayaan penilaian risiko. Berkaitan dengan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, rangka kerja penilaian risikonya telah dibangunkan pada tahun 2012 dan usaha utama pada masa hadapan adalah untuk menumpukan kepada pembangunan sistem dan infrastruktur yang perlu bagi menyokong penilaian dan pemantauan risiko ahli penginsurans. Bagi Sistem Insurans Deposit, usaha akan disalurkan untuk memantapkan keupayaan dan kecekapan

sistem penilaian risiko sedia ada sejajar dengan pengukuhan sumber data dalam Sistem Statistik Bersepadu BNM.

Bagi pentadbiran insurans dan premium, fokus bagi tempoh tiga tahun akan datang adalah pelaksanaan rangka kerja dan garis panduan Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans konvensional serta program pengesahan juruaudit luaran. Satu lagi pelaksanaan utama ialah pembangunan rangka kerja Sistem Levi Berbeza sementara bagi pengendali takaful. Perbadanan juga akan memulakan pembangunan rangka kerja Dana Sasaran bagi ahli penginsurans, sama seperti yang dilaksanakan bagi bank ahli. Ini sejajar dengan amalan terbaik dan pada masa hadapan, akan banyak membantu kami dalam polisi penetapan levi.

Menerusi Perbadanan, Malaysia diiktiraf sebagai peneraju dalam pembangunan dan pelaksanaan sistem insurans menyeluruh termasuk insurans deposit Islam. Justeru, Perbadanan akan terus menumpukan usahanya dalam menerajui pembangunan nota panduan, kertas penyelidikan dan prinsip teras berkaitan dengan operasi insurans deposit Islam.

Intervensi dan Resolusi Kegagalan: Dalam memenuhi mandat kami dengan cara yang efektif dan meminimumkan kos kepada sistem kewangan, PIDM harus sentiasa bersedia untuk melakukan intervensi awal dalam urusan institusi ahli yang bermasalah. Bagi mencapai tujuan ini, Perbadanan telah melaksanakan dan terus mengambil inisiatif bagi memastikan kesediaan untuk memenuhi mandat kami apabila perlu berbuat demikian. Perjalanan Perbadanan ke arah kesediaan operasi dihuraikan dalam dua fasa besar, iaitu kesediaan untuk melaksanakan mandat Intervensi dan Resolusi Kegagalan dengan memanfaatkan kepakaran penyedia perkhidmatan dan rujukan terhadap set-set polisi dan prosedur; dan kesediaan untuk melaksanakan mandat Intervensi dan Resolusi Kegagalan dengan menerajui dan menguruskan penyedia perkhidmatan secara lebih efektif dengan polisi dan prosedur terperinci kami serta infrastruktur Intervensi dan Resolusi Kegagalan yang lebih meluas.

Menjelang tahun 2013, Perbadanan menyasar untuk menyiapkan pembangunan blok asas bagi keupayaan dan kapasiti Intervensi dan Resolusi Kegagalan yang mana kami akan dapat melaksanakan kajian terperinci dengan bantuan penyedia perkhidmatan; melaksanakan penilaian kos paling minimum berasaskan kepada rangka kerja yang telah dipersetujui menggunakan model lembaran asas; menjalankan opsyen resolusi berterusan dengan bantuan penyedia perkhidmatan; dan melaksanakan pencairan dan pembayaran balik menggunakan cek dan / atau pindahan bank berasaskan kepada data deposit yang disediakan oleh institusi ahli.

Ketika kami melangkah ke fasa seterusnya, kami menyasar untuk melaksanakan mandat Intervensi dan Resolusi Kegagalan dengan cara yang lebih efektif dan efisien, yang mana Perbadanan akan mempunyai instrumen dan infrastruktur analisis yang lebih baik untuk menyokong pemerolehan data, analisis, membuat keputusan dan pelaksanaan Intervensi dan Resolusi Kegagalan yang efektif. Seterusnya, ini akan membolehkan Perbadanan menyediakan kepimpinan yang lebih baik dalam mengendalikan aktiviti Intervensi dan Resolusi Kegagalan utama seperti menguruskan proses kajian terperinci, penilaian kos paling minimum yang lebih menyeluruh, pengurusan penyedia perkhidmatan yang lebih efektif dan membuat pembayaran balik deposit dengan cara paling mudah dengan gangguan minimum kepada pendeposit dan pemilik polisi.

Selain itu, ekoran daripada krisis kewangan global 2008, Lembaga Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Board*)

mengeluarkan “Ciri-Ciri Utama Rejim Resolusi Efektif bagi Institusi Kewangan” pada awal November 2011. Ia menggariskan elemen teras yang perlu bagi rejim resolusi yang efektif. Piawaian ini akan membantu menangani masalah “*too-big-to-fail*” dengan memudahkan resolusi institusi kewangan yang penting dari segi sistemik, secara teratur di samping mengekalkan kesinambungan kepada fungsi-fungsi ekonomi penting mereka. Salah satu daripada ciri-ciri tersebut memerlukan penyediaan pelan pemulihan dan resolusi bagi setiap institusi kewangan yang kompleks. Pelan tersebut yang perlu sentiasa terkini, harus mengambil kira potensi impak penularan rentas sempadan dalam senario krisis, sekiranya berlaku.

Berikutan itu, Jawatankuasa Basel mengenai Pengawasan Perbankan mengeluarkan metodologi penilaian dan keperluan penyerapan kerugian tambahan bagi bank-bank yang penting dari segi sistemik di peringkat global dan domestik, masing-masing pada November 2011 dan Oktober 2012. Perbadanan akan bekerjasama dengan BNM bagi membangunkan rangka kerja dan pelan hala tuju untuk menyediakan pelan pemulihan dan resolusi yang baik bagi institusi kewangan yang penting dari segi sistemik di peringkat domestik dan serantau.

Sebagai komponen penting kesediaan operasi, Perbadanan akan terus memberi keutamaan dalam pembangunan dan pemantapan keupayaan dan kecekapan kakitangan berkaitan kesediaan Intervensi dan Resolusi Kegagalan menerusi sesi latihan dan simulasi berterusan.

Memantapkan Infrastruktur dan Operasi: Disebabkan keseluruhan pendekatan kami adalah bagi penambahbaikan berterusan, Pelan Strategik Teknologi Maklumat menggariskan hala tuju dan objektif penggunaan dan pengurusan teknologi dalam Perbadanan dengan tujuan untuk mencapai kecekapan operasi. Pelan tersebut yang menyokong mandat, visi, misi dan objektif korporat Perbadanan juga menggariskan dengan jelas keutamaan bagi melaksanakan dan menyediakan sistem, kemudahan dan perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi menyokong keperluan urusan Perbadanan serta memberi manfaat jangka panjang kepada Perbadanan.

Dalam persekitaran teknologi yang berkembang pesat secara berterusan, adalah penting infrastruktur sistem maklumat yang terkini perlu dikekalkan dan sejajar dengan amalan terbaik industri. Bagi menyokong kesediaan operasi Perbadanan, komunikasi dan kemudahan mengakses dokumen adalah penting dalam mewujudkan platform perkongsian maklumat yang bersepadu dan selamat.

Program pengurusan kesinambungan urusan PIDM akan memberi tumpuan dalam memastikan kesinambungan fungsi-fungsi urusan kritikal Perbadanan sekiranya berlaku bencana atau pandemik dengan keupayaan untuk meneruskan operasi dari sebuah tapak pemulihan bencana. Ujian tahunan akan dijalankan bagi memastikan pelan pengurusan kesinambungan urusan terus relevan dan terkini.

Dengan penubuhan Tapak Pemulihan Bencana sementara, inisiatif utama kami bagi tempoh perancangan adalah untuk membangunkan Tapak Pemulihan Bencana kekal yang akan digunakan sebagai pusat pemulihan bencana dan kemudahan stor di luar pejabat.

Meningkatkan tahap kesedaran awam dan pendidikan konsumen kewangan

Kesedaran awam dan pemahaman mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans termasuk perlindungan, had dan produk diinsuranskan terus diberi keutamaan dalam menggalakkan keyakinan terhadap PIDM dan sistem kewangan negara.

Kami akan terus melaksanakan Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 - 2016, yang mana rancangan tersebut menunjukkan kesinambungan kepada asas komunikasi PIDM yang telah dibentuk bagi menggalakkan kesedaran, penghayatan dan interaksi mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Pelan Komunikasi Bersepadu dipacu oleh tiga teras strategik yang menyokong strategi dan inisiatif komunikasinya seperti berikut:

- mengukuhkan kesedaran tentang Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan menggalakkan keyakinan terhadap peranan PIDM;
- menyumbang dengan aktif kepada pemantapan kesedaran dan celik kewangan menerusi inisiatif dan program pendidikan; dan
- meningkatkan interaksi dengan institusi ahli dan rakan kongsi strategik yang berkaitan.

Dalam mencapai teras-teras ini, Perbadanan akan terus menumpukan usahanya terhadap strategi berikut:

- meluaskan capaian terhadap jumlah audien sasaran yang berkaitan bagi penyebaran maklumat yang optimum dan capaian awam yang maksimum;
- melaksanakan secara berterusan inisiatif dan instrumen komunikasi utama yang efektif seperti pengiklanan dalam media cetak, penyiaran dan elektronik, interaksi dengan pemegang kepentingan serta program pendidikan; dan
- mengukuhkan kerjasama yang sedia ada dalam kalangan pemegang kepentingan dan membina hubungan kerja dengan pemegang kepentingan berkaitan yang baharu.

Perbadanan akan mengkaji semula, meningkatkan dan memperhalusi strategi dan taktik komunikasi bersepadu setiap tahun berasaskan kepada keputusan kaji selidik konsumen seluruh negara pada akhir tahun. Perbadanan akan terus menyebarkan maklumat secara terus, jelas dan mudah serta mengukuhkan penampilan jenamanya, kesedaran dan pemahaman mengenai Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menerusi pelbagai pendekatan komunikasi bersegi dan disasarkan serta instrumen yang efektif. Sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan nasional, Perbadanan juga terus mendidik orang awam dan golongan khusus termasuk jurubank, ejen insurans, kakitangan kerajaan serta generasi mudamengenal Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peranan PIDM, dan pada masa yang sama, mendidik mereka mengenai kepentingan menabung dan pengurusan kewangan yang berhemat. Perbadanan akan terus bekerjasama dan berinteraksi dengan pemegang kepentingan menerusi pelbagai aktiviti termasuk taklimat, sesi latihan, seminar dan program pendidikan interaktif.

Kad Skor Korporat 2013 - 2015

Inisiatif korporat yang akan kami laksanakan dalam tempoh perancangan 2013 - 2015 dan sasaran masing-masing, termasuk kedua-dua langkah kewangan dan bukan kewangan, digariskan dalam Kad Skor Korporat kami di halaman-halaman berikut. Kad Skor Korporat yang mengguna pakai pendekatan Kad Skor Berimbang digunakan sebagai instrumen pengurusan prestasi bagi membantu kami memantau dan mengukur prestasi kami berbanding sasaran sepanjang tempoh perancangan. Kad Skor ini menentukan hala tuju strategik kami dengan menyelaraskan objektif korporat, ukuran prestasi dan inisiatif kepada hala tuju tersebut. Rancangan kewangan yang menggariskan anggaran sumber yang diperlukan bagi menyokong pelan dan inisiatif kami terdapat di halaman 29 hingga 30 Rancangan Korporat ini.

Kad Skor Korporat 2013 - 2015

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran		
			2013	2014	2015
Pemegang Kepentingan	A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam: a. Kesedaran umum mengenai PIDM b. Kesedaran umum mengenai sistem insurans deposit c. Kesedaran umum mengenai sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans	50% 40% 25%	55% 45% 30%	60% 50% 35%
		2. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mengkaji semula dan melaksanakan Pelan Komunikasi Bersepadu b. Program pendidikan	Disempurnakan Dilaksanakan dan kajian semula	Disempurnakan Dilaksanakan dan kajian semula	Disempurnakan Dilaksanakan dan kajian semula
	B Perkongsian efektif	3. Hubungan PIDM dengan: a. Bank Negara Malaysia b. Institusi ahli c. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik d. Penginsurans deposit lain e. Pemegang kepentingan lain	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan
		4. Forum antarabangsa	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
		5. Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dan Alumni	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	6. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan b. Polisi dan amalan utama yang dipatuhi serta kekal terkini dan relevan c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi	
	7. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Polisi dan Laporan Risiko bagi Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah b. Mengkaji semula Akta PIDM 2011 dan mengesyorkan pindaan, yang mana perlu	Kajian semula dan dipertingkatkan Disempurnakan	Kajian semula dan dipertingkatkan -	Kajian semula dan dipertingkatkan -	
D Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh	8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mengkaji semula dan memantapkan peraturan-peraturan berkaitan Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Sistem Premium Berbeza bagi Sistem Insurans Deposit b. Rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: i. Rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi konvensional ii. Rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi Takaful (Sementara) c. Mengkaji semula dan memantapkan peraturan berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans d. Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko: i. Memantapkan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Insurans Deposit ii. Membangunkan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans e. Sistem Amaran Awal i. Sistem Insurans Deposit ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans f. Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan termasuk polisi, proses dan prosedur: i. Pengendalian polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi bank-bank ahli ii. Meminda polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan untuk penggunaan pakai terhadap ahli penginsurans	Dibangunkan dan dirundingkan Dilaksanakan Dikaji selidik dan dibangunkan Kajian semula dan dipertingkatkan Dibangunkan dan dilaksanakan Dibangunkan Dibangunkan dan disahkan Dikaji selidik Dibangunkan Dibangunkan	Dilaksanakan Kajian semula Dibangunkan dan dilaksanakan Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula dan dipertingkatkan Dibangunkan dan dilaksanakan Dilaksanakan Dibangunkan Disempurnakan Disempurnakan	Kajian semula Kajian semula Kajian semula Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula Dibangunkan dan disahkan Kajian semula Kajian semula	

Kad Skor Korporat 2013 - 2015

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran			
			2013	2014	2015	
Tadbir Urus dan Proses Dalam	D	Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh	g. Model dan Sistem Pentaksiran - Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans h. Rangka kerja pemulihan dan resolusi bagi institusi kewangan yang kompleks i. Polisi dan peraturan: i. Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ii. Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian - Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans j. Simulasi bagi Intervensi dan Resolusi Kegagalan k. Menyempurnakan pembangunan program audit bagi memastikan integriti Data, Sistem dan Proses Pembayaran Balik Deposit bagi bank-bank ahli l. Infrastruktur, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans: i. Fasa 1a: Sistem Pendaftaran Produk ii. Fasa 1b: Sistem Pengurusan Tuntutan iii. Fasa 1c: Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi iv. Fasa 2: Sistem Pengurusan Pembayaran m. Program pematuhan institusi ahli dengan Akta PIDM	Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan dan dirundingkan Dilaksanakan Disempurnakan Disempurnakan Dilaksanakan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Kajian semula dan dipertingkatkan	Disempurnakan - Dilaksanakan - Disempurnakan Kajian semula dan dipertingkatkan Dipantau Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan -	Kajian semula - Dipantau - Disempurnakan - Dipantau Dilaksanakan Dilaksanakan Dilaksanakan -
	E	Amalan urusan dan kewangan yang mantap	9. Pelaporan menerusi: a. Laporan Tahunan b. Rancangan Korporat	Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan
			10. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan
			11. Pematuhan Kawalan Dalaman	Kukuh	Kukuh	Kukuh
			12. Tahap kepuasan terhadap perkhidmatan antara Bahagian	75%	75%	75%
Pembelajaran dan Pembangunan	F	Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Dana Sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans b. Membangunkan dan melaksanakan pelan strategik berikut: i. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Tahunan ii. Pelan Pengurusan Kesenambungan Urusan Tahunan c. Tapak Pemulihan Bencana dan infrastruktur d. Pengurusan Maklumat Korporat	Dikaji selidik dan dibangunkan Disempurnakan Disempurnakan Pembinaan Dilaksanakan	Dilaksanakan Disempurnakan Disempurnakan Pembinaan Kajian semula dan dipertingkatkan	Kajian semula dan dipertingkatkan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Pematuhan penuh
			14. Program pembelajaran dan pembangunan yang berterusan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
			15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Polisi dan Amalan Pengurusan Pengetahuan	Dilaksanakan	Kajian semula dan dipertingkatkan	Dilaksanakan
G	Persekitaran korporat yang kondusif	16. Indeks Tahap Komitmen dan Kepuasan Kerja Kakitangan (tinjauan dijalankan dua tahun sekali bagi mengukur tahap kepuasan kakitangan)	75%	-	75%	
		17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Program berkaitan kakitangan	Dilaksanakan	Dilaksanakan	Dilaksanakan	

Rancangan Kewangan 2013

Rancangan kewangan kami dibangunkan untuk menyokong pencapaian inisiatif yang dirancang dan digariskan seperti berikut.

A. Bajet Operasi

	2013 Bajet		2012 Unjuran*		2012 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
Pendapatan						
Premium	227,300	80	214,262	81	199,300	80
Pelaburan	56,000	20	48,987	19	49,400	20
Jumlah Pendapatan	283,300	100	263,249	100	248,700	100
Perbelanjaan Operasi						
Gaji dan Manfaat	51,900	51	39,150	50	48,000	50
Am dan Pentadbiran	38,100	38	28,890	37	37,000	39
Komunikasi	11,000	11	9,760	13	10,000	11
Jumlah Perbelanjaan Operasi	101,000	100	77,800	100	95,000	100
Lebih Bersih	182,300		185,449		153,700	

B. Bajet Modal

	2013 Bajet		2012 Unjuran*		2012 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
Perbelanjaan Modal						
Tanah dan Bangunan	16,000	54	6,250	54	7,000	32
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	600	2	450	4	550	2
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	13,000	44	4,820	42	14,650	66
Jumlah Perbelanjaan Modal	29,600	100	11,520	100	22,200	100

*Unjuran 2012 = Sebenar (Jan - Nov 2012) + Unjuran (Dis 2012)

C. Ulasan Bajet Operasi dan Modal

Pendapatan

- Premium yang dibajetkan bagi sistem insurans deposit pada tahun 2013 adalah sebanyak RM172.2 juta, berdasarkan struktur kadar Sistem Premium Berbeza. Ini disebabkan terutamanya semakan semula kadar premium di bawah Sistem Premium Berbeza serta pertumbuhan sederhana dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan.
- Kami juga menganggarkan bajet premium RM55.1 juta daripada ahli penginsurans kami di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Premium yang dibajetkan ini adalah RM32.7 juta atau 37.2% lebih rendah berbanding premium sebenar 2012 yang diterima, disebabkan terutamanya pelaksanaan Sistem Levi Berbeza bagi segmen perniagaan Insurans Am dan Hayat. Pengiraan premium bagi Takaful Am dan Takaful Perpaduan Keluarga akan terus berdasarkan kadar sama rata yang diguna pakai dalam Jumlah Polisi Dilindungi seperti berikut:
 - Takaful Am – 0.25% daripada pendapatan premium bersih
 - Takaful Perpaduan Keluarga – 0.06% daripada liabiliti pentaksiran aktuari
- Pendapatan pelaburan dibajetkan berdasarkan hasil pulangan pelaburan purata sebanyak 3%.

Perbelanjaan Operasi

- Kos gaji dan manfaat termasuk kos ganjaran tahunan bagi 157 kakitangan dirancang bagi tahun 2013 dan mengambil kira kos pelarasan pasaran yang sejajar dengan polisi penggajian dan manfaat kami yang diluluskan. Sumber-sumber telah dirancang bagi memastikan pentadbiran Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan efektif, pengurusan penggajian yang efektif serta memastikan kesediaan operasi.
- Sebahagian besar kos am dan pentadbiran adalah berkaitan dengan kos pentadbiran operasi harian kami. Peningkatan bajet adalah disebabkan pertambahan perbelanjaan berkaitan dengan pelesenan dan penyelenggaraan aplikasi sistem teknologi maklumat. Kami juga telah merancang pemerolehan sumber yang perlu untuk menyokong semua inisiatif utama kami yang telah dikenal pasti bagi tahun 2013, terutamanya bagi terus membangunkan kapasiti dan keupayaan dalam menjalankan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Bagi tahun 2013, Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun kami akan terus memberi tumpuan terhadap peningkatan tahap kesedaran dan pemahaman mengenai PIDM. Kami akan meneruskan pelaksanaan program pendidikan kami bagi meningkatkan pemahaman awam mengenai insurans deposit serta perlindungan manfaat takaful dan insurans. Sumber-sumber bagi aktiviti komunikasi akan diperuntukkan untuk menyokong aktiviti komunikasi utama seperti kempen pengiklanan dan aktiviti perhubungan awam termasuk taklimat dan jerayawara, interaksi dengan media serta program pendidikan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Perbelanjaan Modal

- Perbelanjaan modal kami telah dirancang untuk menyokong inisiatif utama kami serta keberkesanan operasi menerusi pemantapan infrastruktur.
- Inisiatif utama bagi PIDM dalam tempoh tiga tahun akan datang ialah pembangunan tapak pemulihan bencana PIDM bagi memastikan kesediaan operasi. Bagi tahun 2013, kami telah merancang kos pembinaan premis bangunan dan infrastruktur penting tapak pemulihan bencana yang dijangka siap pada akhir tahun 2015.
- Kami juga akan menumpukan sumber kami bagi membangunkan sistem teknologi maklumat utama untuk terus mengukuhkan keberkesanan operasi kami serta kesediaan operasi kami. Antara lainnya, kami akan membina sistem teknologi maklumat utama untuk menyokong operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans termasuk Pembayaran Balik Premium dan Sistem Pengurusan Tuntutan serta memantapkan sistem penilaian risiko bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

D. Lembaran Imbangan Pro Forma

	2013 Bajet Jumlah	2012 Unjuran* Jumlah	2012 Bajet Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	2,785	4,485	3,473
Pelaburan	1,820,226	1,662,226	1,595,110
Aset lain	17,343	11,343	13,110
Hartanah dan peralatan	47,108	26,108	52,685
JUMLAH ASET	1,887,462	1,704,162	1,664,378
LIABILITI			
Akaun belum bayar	10,000	9,000	8,512
JUMLAH LIABILITI	10,000	9,000	8,512
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT			
Baki awal	618,361	518,507	518,880
Lebihan bagi tahun semasa	116,929	99,854	92,244
	735,290	618,361	611,124
KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS			
Baki awal	1,076,801	991,206	983,286
Lebihan bagi tahun semasa	65,371	85,595	61,456
	1,142,172	1,076,801	1,044,742
JUMLAH KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN	1,877,462	1,695,162	1,655,866
JUMLAH LIABILITI DAN KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN	1,887,462	1,704,162	1,664,378

*Unjuran 2012 = Sebenar (Jan - Nov 2012) + Unjuran (Dis 2012)

E. Penyata Aliran Tunai Pro Forma

	2013 Bajet	2012 Unjuran*	2012 Bajet
	RM'000	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium daripada institusi ahli	227,300	214,262	199,300
Penerimaan pendapatan pelaburan	56,000	48,987	49,400
Pembayaran semasa beroperasi kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(90,000)	(65,000)	(90,000)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	193,300	198,249	158,700
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada jualan sekuriti pelaburan	1,600,000	1,407,525	700,000
Pembelian sekuriti pelaburan	(1,780,000)	(1,650,262)	(850,000)
Pembelian hartanah dan peralatan	(15,000)	(2,500)	(10,000)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(195,000)	(245,237)	(160,000)
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(1,700)	(46,988)	(1,300)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	4,485	51,473	4,773
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	2,785	4,485	3,473

*Unjuran 2012 = Sebenar (Jan - Nov 2012) + Unjuran (Dis 2012)

Kesimpulan



Kesimpulan

Halangan Pencapaian Rancangan Korporat

Kami komited dan berdedikasi untuk mencapai inisiatif yang dirancang seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat ini dengan sokongan tenaga kerja kami yang cekap dan berpengetahuan serta dengan adanya proses dan infrastruktur yang mantap. Faktor-faktor lain yang juga memainkan peranan dalam membantu kami mencapai matlamat ketika kami terus membangunkan kapasiti dan keupayaan operasi bagi memenuhi mandat kami termasuklah tadbir urus, kepimpinan dan perancangan yang mampan, latihan dan pembangunan yang berterusan, hubungan kerja yang kukuh dengan penginsurans deposit dan skim jaminan insurans antarabangsa serta pemegang kepentingan utama.

Bagaimanapun, sekiranya berlaku intervensi dalam institusi ahli yang bermasalah atau kehilangan kakitangan penting, peristiwa seumpama itu berkemungkinan memerlukan pengutamaan semula inisiatif dirancang kami dan penyusunan semula pengutamaan sumber tersedia kami pada tugas yang penting pada masa itu.

Dalam menangani risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan ini, kami telah membangunkan pelan tindakan berikut:

- Sekiranya aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan berlaku semasa tempoh perancangan, kami akan membuat pengutamaan semula inisiatif kami dan menyelaraskan semula sumber kami dan pada masa yang sama, mengekalkan operasi semua fungsi kritikal; dan
- Kami meneruskan pelaksanaan pelan pengurusan penggantian menyeluruh bagi jawatan-jawatan utama untuk memastikan impak kehilangan kakitangan penting dapat dikurangkan.

Meskipun peristiwa-peristiwa sedemikian adalah di luar kawalan kami, kami akan terus memantau persekitaran operasi bagi memastikan risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan kami dapat diuruskan dan ditangani dengan berkesan.

Pengukuhan Mandat Pada Masa Hadapan

Inisiatif pada masa hadapan, yang tidak dirancang atau dibajetkan bagi tempoh perancangan, juga akan termasuk membangunkan rangka kerja untuk memenuhi cadangan yang dibuat dalam Pelan Sektor Kewangan 2011 - 2020, yang dilancarkan oleh BNM pada Jun 2012, bertemakan "Mengukuhkan Masa Depan". Pelan tersebut mengenalpasti Perbadanan sebagai "pihak berkuasa resolusi yang menangani secara teratur institusi kewangan besar yang tidak berdaya maju di Malaysia yang boleh menjejaskan kestabilan kewangan". Institusi kewangan seumpama itu boleh juga termasuk institusi bukan ahli. Ini akan disokong oleh kebertanggungjawaban dan pengaturan kewangan yang sesuai bagi memastikan penyelarasan yang efektif antara bank dengan PIDM serta dengan pihak berkuasa berkaitan di dalam dan di luar negara.

Ringkasan

Perbadanan telah diberi mandat untuk mentadbir sistem perlindungan konsumer kewangan dengan matlamat utama menggalakkan keyakinan awam dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Sehubungan itu, Perbadanan telah memulakan dan menyempurnakan pelbagai inisiatif yang mengukuhkan asas dan kapasiti operasinya ke arah memenuhi mandatnya dan diiktiraf sebagai peneraju dalam perlindungan konsumer kewangan bersepadu.

Dalam usaha untuk mencapai strategi dan sasaran mencabar yang ditetapkan dalam Rancangan Korporat ini, Perbadanan akan menumpukan usaha dan sumbernya untuk mengukuhkan tahap kesediaan operasi bagi memenuhi mandatnya secara efektif dan efisien. Ini termasuk memantapkan kecekapan kakitangan, polisi dan proses, sistem dan infrastruktur serta memperkukuh kesedaran awam dan inisiatif pendidikannya bagi meningkatkan tahap kesedaran mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Perbadanan juga akan terus menggunakan pakai amalan terbaik yang relevan dalam semua bahagian operasi.

Lampiran: Mengenai PIDM



Lampiran: Mengenai PIDM

Mengenai Perbadanan

PIDM ialah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Peranan kami di bawah Akta PIDM adalah untuk mentadbir dan menyediakan perlindungan insurans deposit bagi melindungi pendeposit daripada kehilangan sebahagian atau kesemua deposit mereka serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli.

Sebagai sebahagian penting daripada sistem jaringan keselamatan kewangan negara, kami mempunyai kuasa yang luas bagi menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan, menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan, melaksanakan intervensi dan resolusi bagi institusi ahli bermasalah dan bertindak demi kepentingan pendeposit serta pemilik polisi insurans dan sijil takaful.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. Kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation*, terutamanya dalam konteks antarabangsa.

Perlindungan yang disediakan oleh PIDM terdiri daripada:

Sistem Insurans Deposit

Melindungi pendeposit terhadap kehilangan deposit diinsuranskan yang disimpan di bank-bank ahli, sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

Mandat Kami

Mandat PIDM digariskan dalam Akta PIDM dan matlamatnya adalah untuk:

- mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit dan menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans;
- menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai mandat di bawah perenggan (b) dan (d), Perbadanan akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Institusi Ahli

Institusi ahli PIDM terdiri daripada:

- bank perdagangan dan bank Islam, termasuk bank luar negara yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia, yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983; dan
- syarikat insurans dan pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 atau Akta Takaful 1984.

Pada 31 Disember 2012, institusi ahli PIDM ialah seperti berikut:

Bank Perdagangan (27)

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank (M) Berhad
4. Bangkok Bank Berhad
5. Bank of America Malaysia Berhad
6. Bank of China (Malaysia) Berhad
7. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad
8. BNP Paribas Malaysia Berhad
9. CIMB Bank Berhad
10. Citibank Berhad *
11. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad *
12. Hong Leong Bank Berhad
13. HSBC Bank Malaysia Berhad
14. India International Bank (Malaysia) Bhd.
15. Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
16. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
17. Malayan Banking Berhad
18. Mizuho Corporate Bank (Malaysia) Berhad
19. National Bank of Abu Dhabi Malaysia Berhad
20. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
21. Public Bank Berhad
22. RHB Bank Berhad
23. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
24. Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
25. The Bank of Nova Scotia Berhad
26. The Royal Bank of Scotland Berhad
27. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd.

**institusi ini menyediakan perkhidmatan perbankan Islam*

Bank Islam (16)

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Alliance Islamic Bank Berhad
3. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4. AmIslamic Bank Berhad
5. Asian Finance Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. CIMB Islamic Bank Berhad
9. Hong Leong Islamic Bank Berhad
10. HSBC Amanah Malaysia Berhad
11. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
12. Maybank Islamic Berhad
13. OCBC Al-Amin Bank Berhad
14. Public Islamic Bank Berhad
15. RHB Islamic Bank Berhad
16. Standard Chartered Saadiq Berhad

Syarikat Insurans (34)

1. ACE Jerneh Insurance Berhad
2. Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad
3. Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
4. American International Assurance Bhd.
5. AmG Insurance Berhad
6. AmLife Insurance Berhad
7. AXA Affin General Insurance Berhad
8. AXA Affin Life Insurance Berhad
9. Berjaya Sampo Insurance Berhad
10. Chartis Malaysia Insurance Berhad
11. CIMB Aviva Assurance Berhad
12. Etiqa Insurance Berhad
13. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
14. Hong Leong Assurance Berhad
15. ING Insurance Berhad
16. Kurnia Insurance (Malaysia) Berhad
17. Lonpac Insurance Berhad
18. Manulife Insurance Berhad
19. MCIS Zurich Insurance Berhad
20. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.
21. Multi-Purpose Insurans Berhad
22. Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad
23. Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
24. Progressive Insurance Berhad
25. Prudential Assurance Malaysia Berhad
26. QBE Insurance (Malaysia) Berhad
27. RHB Insurance Berhad
28. The Pacific Insurance Berhad
29. Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
30. Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
31. Tune Insurance Berhad (dahulunya dikenali sebagai Oriental Capital Assurance Berhad)
32. Uni.Asia General Insurance Berhad
33. Uni.Asia Life Assurance Berhad
34. Zurich Insurance Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Malaysian Assurance Alliance Berhad)

Pengendali Takaful (12)

1. AIA AFG Takaful Berhad
2. AmFamily Takaful Berhad
3. CIMB Aviva Takaful Berhad
4. Etiqa Takaful Berhad
5. Great Eastern Takaful Sdn. Bhd.
6. Hong Leong MSIG Takaful Berhad
7. HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.
8. ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad
9. MAA Takaful Berhad
10. Prudential BSN Takaful Berhad
11. Syarikat Takaful Malaysia Berhad
12. Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Lembaga Pengarah

PIDM ditadbir oleh sembilan orang ahli Lembaga Pengarah, dengan perwakilan seimbang daripada sektor awam dan swasta. Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas urusan dan hal ehwal PIDM.

Pengerusi bukan eksekutif mengetuai Lembaga Pengarah manakala wakil-wakil lain termasuk dua ahli *ex officio*, iaitu Gabenor BNM dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dua pengarah daripada sektor awam dan empat pengarah daripada sektor swasta dengan tiga orang daripadanya mempunyai pengalaman berkaitan sektor perbankan dan kewangan. Pengerusi dan semua ahli bukan *ex officio* dilantik oleh Menteri Kewangan.



**Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad
Haji Alias**
Pengerusi



**Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti
Akhtar Aziz**
Ahli Lembaga Pengarah



**Dato' Sri Dr. Mohd Irwan
Serigar bin Abdullah**
Ahli Lembaga Pengarah



**Datuk Dr. Rahamat Bivi
binti Yusoff**
Ahli Lembaga Pengarah



Dato' Halipah binti Esa
Ahli Lembaga Pengarah



**Encik George Anthony
David Dass**
Ahli Lembaga Pengarah



Encik Lim Tian Huat
Ahli Lembaga Pengarah



Encik Alex Foong Soo Hah
Ahli Lembaga Pengarah



**Encik Mohamad Abdul
Halim bin Ahmad**
Ahli Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang bukan ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini merupakan forum perbincangan isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Bahagian yang juga bertanggungjawab menyokong Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urusnya. Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM bertujuan untuk memudahkan komunikasi yang efektif, kerjasama berpasukan, keupayaan menyesuaikan diri kepada perubahan dan kerjasama efektif dalam semua bidang kerja PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.



Jean Pierre Sabourin
Ketua Pegawai Eksekutif



Md Khairuddin bin Hj Arshad
Ketua Pegawai Operasi



Lim Yam Poh
Kaunsel Am dan
Setiausaha Korporat



Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi
Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar,
Kewangan dan Pentadbiran



Chong Chen Voon
Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar,
Pengurusan Risiko Organisasi



Noorida Baharuddin
Ketua Audit Dalaman dan Pengurus Besar,
Audit dan Khidmat Perundingan



Chua Ee Leen
Pengurus Besar,
Perancangan Strategik



Lee Yee Ming
Pengurus Besar,
Polisi dan Antarabangsa



Lim Kong Kuan
Pengurus Besar,
Intervensi dan Resolusi Kegagalan



Margaret Fong Gook Pheng
Pengurus Besar,
Sumber Manusia



Rafiz Azuan Abdullah
Pengurus Besar,
Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko



Rozita Ahmad
Pengurus Besar,
Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

Hubungi Kami

Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan kami di:

Talian bebas tol **1-800-88-1266**

8.30 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat

- Layari laman web kami di **www.pidm.gov.my**

- Emel kepada **info@pidm.gov.my**

- Tulis kepada:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Aras 12, Quill 7,

No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,

Kuala Lumpur Sentral,

50470 Kuala Lumpur.

Telefon: 603-2173 7436

Faks: 603-2173 7527 / 2260 7432